

**‘PENYARAM’:**

**SAJIAN DAN SIGNIFIKASI KEPERCAYAAN KEOMBO’AN DALAM PERSEMBAHAN TEATER RITUAL MAG’BUAYA ETNIK BAJAU PANTAI TIMUR SABAH.**

*Sharifuddin Zainal, Mohd Kipli Abd Rahman dan Patta Ariffin Husin*  
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.

**Abstrak:** Penyaram merupakan sejenis kuih tradisional etnik Sabah khususnya etnik Bajau Pantai Timur. Kuih Penyaram merupakan sejenis kuih yang dihasilkan dari tepung beras, diuli bersama gula sebelum diacu dan digoreng. Kuih penyaram juga dikenali dengan nama Penjaram di daerah Pantai Barat Sabah; merupakan kuih yang sering dihidangkan dalam pelbagai majlis keraian dengan kepelbagaian fungsi yang tertentu. Mag’Buaya merupakan persembahan ritual pengubatan etnik Bajau Laut Semporna- khususnya diamalkan oleh kelompok kecil etnik Bajau Kg. Seloka Empat, Pulau Bum Bum Semporna. Mag’Buaya adalah persembahan ritual pengubatan yang menyeru *ombo’ buaya pote’* (semangat perlindungan buaya putih) yang menjadi pegangan keluarga pengamal dan diwarisi secara turun temurun. Penyaram merupakan salah satu bahan yang penting dan merupakan satu kod bersyarat yang perlu disediakan ketika ritual Mag’Buaya di persembahkan dan proses pengubatan dijalankan. Kuih Penyaram yang dihidangkan dan digunakan semasa proses ritual tersebut hendaklah disediakan dengan aturan dan tertib tertentu bagi memastikan kehadiran *keombo’an* dan kejayaan proses pengubatan. Penyaram merupakan sajian yang dipersembahkan kepada semangat perlindungan- juga merupakan salah satu di antara peralatan persembahan yang bersignifikasi dalam membina jambatan yang menghubungkan dunia mikro kosmos (manusia) dan makro kosmos (*Keombo’an*). Melalui kajian etnografi kertas ini akan menghuraikan fungsi dan peranan Penyaram dalam persembahan teater-ritual Tradisional Mag’Buaya Etnik Bajau Pantai Timur Sabah. Kertas ini juga akan menjelaskan signifikasi hubungan diantara Penyaram dan kewujudan keombo’an dengan kepercayaan kosmologi dan pandangan semester etnik tersebut. Melalui kerangka teori, teori persembahan dan bacaan menggunakan pendekatan teori semiotik metafizik pula- kertas ini akan memperihalkan konsep penggunaan props dalam persembahan Teater Tradisional Etnik Bajau Pantai Timur Sabah.

**Kata Kunci:** *Penyaram, Keombokan, Mag’Buaya, Ritual Tradisi Bajau, Teater Tradisional Etnik Pantai Timur Sabah.*

**PENGENALAN**

**Mag’buaya**

Mag’Buaya merupakan sebuah persembahan ritual tradisional yang diamalkan oleh etnik Bajau Laut di daerah Semporna Sabah. Ritual Mag’Buaya ini adalah sebuah ritual pengubatan yang diwarisi dan diamalkan oleh kelompok sub-etnik Bajau Laut di Kg. Seloka Empat, Pulau Bum Bum, Semporna. Mag’Buaya merupakan sebutan dalam bahasa etnik Bajau Laut yang bermaksud ‘ber-buaya’. Hal ini adalah ekoran daripada bagaimana semangat penjaga buaya putih atau *Keombo’an Buaya Pote’* yang diseru bagi menjayakan proses pengubatan semasa ritual tersebut

dijalankan. Seperti persembahan ritual-ritual pengubatan tradisional etnik Bajau Laut yang lain- Persembahan ritual Mag’Buaya yang diamalkan oleh kelompok etnik Bajau Laut Seloka Empat ini juga, adalah terpusat kepada kepercayaan kosmologi kelompok etnik terhadap kewujudan serta pengaruh *Keombo’an* dalam kehidupan mereka [1][2][3].

Seperti majoriti sub-etnik Bajau Laut yang lain, kelompok sub-etnik Bajau Laut Kg. Seloka Empat ini telah mengamalkan satu kepercayaan sinkritisme-kepercayaan agama Islam yang berasimilasi dengan kepercayaan Pagan- diwarisi daripada nenek moyang mereka dahulu. Pada masa terdahulu, masyarakat

etnik Bajau Laut percaya kepada semangat penjaga yang mendiami alam sekeliling mereka seperti pokok, bintang dan laut. Etnik Bajau Laut ini juga percaya semangat yang baik mendiami lautan dan semangat yang jahat pada kebiasaannya tinggal di daratan [4][5]. Melalui tahap kepercayaan sinkritisme yang telah dicapai oleh kelompok etnik ini- Ritual pengubatan Mag'Buaya yang terpusat kepada kepercayaan kosmologikal etnik terhadap Keombo'an tersebut dipersembahkan melalui satu rangkaian metafizik dalam ruang makro kosmos (alam Keombo'an) yang saling bersangkut paut terpusat kepada naratif lagenda Arung Salamiah<sup>1</sup> [6][7]. Masyarakat etnik percaya ke'ombakan-ke'ombakan ini mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar dalam segenap aspek kehidupan mereka. Oleh kerana itu persembahan ritual pengubatan masih kuat dimalkan dan dipersembahkan untuk pelbagai fungsi.

Ritual pengubatan Mag'Buaya merupakan sebuah ritual sakral yang dipersembahkan untuk pelbagai fungsi yang berbeza-beza antaranya adalah; 1) Pengubatan- ritual dipersembahkan bagi tujuan merawat penyakit, khususnya penyakit misteri yang berkaitan dengan alam metafizik seperti keteguran. Menurut informan yang telah ditemubual- kelompok etnik ini pada kebiasaannya akan mendapatkan bantuan perubatan moden dan klinikal terlebih dahulu sekiranya ditimpa sakit. Namun rawatan ritual tradisional ini akan dijadikan sebagai rawatan alternatif sekiranya rawatan moden gagal menyembuhkan penyakit yang mereka hidapi. 2) Komunikasi- ritual digunakan sebagai medium komunikasi diantara dua alam iaitu alam nyata dan alam metafizik. Tujuan ini biasanya terhasil daripada persembahan ritual bagi tujuan Kok Taun'<sup>2</sup>. 3) Keharmonian- ritual Mag'Buaya dipersembahkan bagi tujuan keharmonian dan perlindungan bagi kampung atau keluarga. Sebagai contoh dipersembahkan bagi melindungi kampung tersebut

<sup>1</sup> Arung Salamiah merupakan sebuah lagenda dan cerita rakyat yang terkenal dikalangan etnik Bajau Laut. Arung Salamiah adalah seorang ikon puteri Bajau yang mempunyai kelebihan untuk berhubung dengan dunia metafizik. Arung Salamiah dipercayai sebagai asal usul kepada amalan-amalan ritual pengubatan tradisional etnik Bajau Laut.

<sup>2</sup> Kok Taun' adalah istilah bahasa Bajau Laut yang merujuk kepada kepala tahun. Ritual Mag'Buaya dijalankan sebagai kok taun' atas beberapa sebab iaitu sebagai ulangtahun pegangan etnik dan yang kedua sebagai peringatan sekiranya sepanjang tahun tidak ada ritual dipersembahkan atas tujuan pengubatan.

dari serangan musuh, pegganas, wabak, bencana, musibah dan sebagainya. 4) Pemudah rezeki- ritual dipersembahkan bagi tujuan membantu memudahkan rezeki sebagai contoh bagi peniaga atau bagi pelajar yang menduduki peperiksaan. Ritual dipersembahkan agar proses mencari rezeki berjalan lancar.

### Penyaram

Penyaram merupakan sejenis kuih tradisional masyarakat Sabah, khususnya bagi etnik Bajau Laut. Kuih penyaram dihidangkan secara meluas oleh kelompok etnik Bajau laut ini dalam majlis-majlis adat dan persembahan-persembahan ritual etnik. Kuih penyaram merupakan satu kuih yang mempunyai signifikasi yang tinggi terhadap amalan budaya kelompok etnik Bajau Laut. Ianya dihidangkan dalam pelbagai majlis seperti perkahwinan, menyambut kelahiran dan kenduri arwah bagi kematian. Ianya jugak dihidangkan dengan pelbagai fungsi dan tujuan. Penyaram adalah sejenis kuih dalam kelompok apam beras yang digoreng.

Penyaram dihasilkan daripada adunan tepung beras, tepung gandum, air gula apong. Bahan-bahan yang diadunkan tersebut digoreng dalam kualiti kecil dan dianginkan dalam kualiti menggunakan lidi sehingga ianya mengembuang dan bertukar kepada warna keperangan seperti dalam Figura 1 dibawah.



Figura 1 Kuih Penyaram Yang Siap Digoreng (SUMBER:)

Berbeza dengan penyaram yang biasa dihidangkan di majlis-majlis adat- penyaram yang dihidangkan dalam persembahan ritual Mag'Buaya adalah penyaram yang perlu dihasilkan sendiri oleh dayang-dayang utama dengan menggunakan bahan-bahan yang semulajadi

yang dikumpul dan dihasilkan sendiri juga. Tepung beras yang digunakan mestilah ditumbuk daripada beras yang telah ditidurkan semalaman melalui ritual Mag'patuli pai. Mag patuli pai atau dalam bahasa melayunya diterjemahkan sebagai 'menidurkan beras padi' adalah satu ritual yang dilakukan sebelum persembahan ritual Mag'Buaya dipersembahkan. Melalui Mag'patuli pai beras padi akan di jemur seharian dan kemudiannya dibalut dalam nipah kelapa sebelum ditidurkan semalaman di ruang ritual Mag'Buaya kemudiannya dijalankan.

Pada pagi persembahan ritual Mag'Buaya dijalankan beras padi akan dibuka/dibangunkan dan ditumbuk untuk menghasilkan tepung beras. Air yang digunakan untuk mengadun tepung beras bagi menghasilkan penyaram ini juga adalah air khusus yang telah disediakan oleh dayang-dayang dalam tempayan yang berisi mayang pinang. Air tersebut adalah air yang diperolehi oleh tujuh dayang suci<sup>3</sup> dalam proses ritual yang dinamakan proses mencuri air sebelum ritual dimulakan. Minyak yang digunakan dalam menghasilkan penyaram Mag'Buaya ini juga adalah minyak kelapa yang dihasilkan sendiri oleh dayang utama yang bertanggungjawab dalam mempersiapkan peralatan ritual. Pada amalan terdahulu gula juga hendaklah dihasilkan sendiri daripada tebu yang telah didapatkan sebelum persembahan ritual, namun pada hari ini atas kesukaran mendapatkan tebu dan kekurangan kemahiran menghasilkan gula, gula pasir yang digunakan untuk menyediakan penyaram tersebut boleh dibeli dikedai oleh dayang utama atau keluarga pesakit. Jadual 1 di bawah merupakan senarai peralatan penuh yang digunakan dalam persembahan ritual Mag'Buaya yang perlu disediakan sebelum upacara ritual tersebut bermula

Props Ritual Pengubatan Tradisional Magbuaya			
1	Kain kuning	11	Air mata duyung
2	Mangkuk putih	12	Lilin
3	Beras kunyit	13	Lembing
4	Pulut putih	14	Parang
5	Pulut hitam	15	Tebu hutan
6	Pisang raja	16	Kemenyan
7	Ayam kg (jantan)	17	Pokok pisang
8	Mayang pinang	18	Minyak kelapa
9	60 biji telur ayam	19	30 biji pinggan
10	Kain pelikat	20	7 orang anak dara
21	140 biji Penyaram		

Jadual 1 Peralatan Mag'Buaya

<sup>3</sup> Tujuh dayang terdiri daripada anak dara sunti yang belum datang bulan.

## KERANGKA TEORI DAN KAEDAH KAJIAN

### Ritual- Simbol dan Seni Persembahan

Schechner [8], telah mengusulkan sebelas tema yang menghubungkan secara langsung di antara ritual dengan kajian persembahan. Melalui sorotan literatur yang telah Schechner tinjau dalam bidang ritual dan persembahan ritual, Schechner telah mencadangkan terdapat lebih kurang sebelas tema dalam ritual yang berkaitan dengan bidang kajian persembahan. Sebanyak sembilan tema (telah digariskan dalam senarai di bawah) daripada sebelas yang telah diusulkan Schehner bersignifikasi secara lansung dalam konteks kertas penyelidikan ini. Sembilan daripada sebelas tema tersebut ialah:

- Ritual sebagai aksi, ritual sebagai persembahan.
- Ritual manusia dan haiwan.
- Ritual sebagai persembahan yang liminal.
- Komuniti dan anti struktural
- Masa dan ruang ritual
- Pengangkutan/perhubungan dan transformasi
- Drama sosial
- Potensi hiburan (unsur tuntutan sekular dan sacred)
- Asal-usul/pemulaan seni persembahan
- Perubahan atau ritual yang di rekapipta
- Kegunaan ritual dalam teater, tari dan muzik.

Kertas penyelidikan ini ditulis bertunjangkan kepada lebih dari satu kaitan ritual dan persembahan seperti yang dicadangkan oleh Schechner dalam kerangka teori persembahannya. Penyelidikan ini berkembang berlandaskan -ritual sebagai sebuah drama sosial dan persembahan liminal yang berpotensi menjadi asas dan permulaan kepada seni persembahan serta berpotensi untuk bertransformasi menjadi sebuah bentuk seni persembahan teater tradisional.

Victor Turner [9] bersama dengan rakan sarjananya Richard Schechner telah membahaskan dan menguraikan perhubungan dan kesatuan di antara ritual (drama sosial) dan teater (drama estetik). Turner dalam menghuraikan perhubungan diantara ritual dengan teater dan persembahan, serta proses tranformasi yang

berlaku semasa perubahan tersebut- melibatkan proses liminal dalam liminoid atau liminality. Turner telah meminda konsep liminal dan liminality yang diusulkan oleh Arnold Van Gennep kepada satu aplikasi kajian ritual dalam skala masyarakat yang lebih besar dan luas. Melalui bukunya Turner telah menulis satu kertas konsep perbandingan simbologi yang menghuraikan bagaimana sesebuah ritual itu mengalami proses liminal bagi mencapai liminoid- dalam konteks permainan/play (perlakuan persembahan), aliran (flow) dan ritual. Turner juga telah mengusulkan bagaimana ritual itu sendiri telah menjadi satu simbol dalam satu sistem sosial masyarakat. Liminal atau tahap anti-struktur merupakan satu tahap dimana ritual berada dalam proses transisi dan transformasi yang mendefinisikan semula persembahan ritual tersebut kepada penciptaan bentuk-bentuk dari konsep-konsep bersifat struktural [8].

Pada tahap liminal perubahan-perubahan berlaku kepada etnik pengamal terhadap pemahaman ritual dan bentuk ritual itu sendiri- dimana masyarakat etnik akan melakukan proses cerminan semula terhadap status sosial, nilai personaliti, sudut pandang, ideologi, konsep makna dan identiti. Perubahan tersebut merupakan hasil refleksi keseriusan permainan masyarakat etnik terhadap ritual yang mereka persembahkan- dimanifestasikan dalam amalan pelaksanaan ritual tersebut. Ianya merupakan satu tempoh fasa yang mana etnik pengamal berada dalam keadaan yang terbuka dan tidak pasti. Masyarakat etnik berada dalam keadaan kabur, berdiri di 'ambang' dua keadaan, diantara cara terdahulu bagaimana mereka menstrukturkan identiti, masa atau masyarakat dengan cara baru yang ditetapkan oleh ritual tersebut. [6].

Liminoid atau liminality pula merupakan satu tempoh masa transisi yang mana pemikiran etnik berada dalam keadaan normal dan neutral. Pada tempoh masa ini, masyarakat etnik tersebut berada dalam keadaan memahami jati diri dan persekitarannya- serta bertindak dalam secara tenang dan terbuka dalam menerima apa juga perubahan yang berlaku. Pada tahap ini konsep dan definisi makna dalam kalangan masyarakat etnik pengamal terhadap amalan ritual mereka juga akan berubah secara perlahan-lahan. Proses transformasi (liminal-liminality) ini mengambil tempoh masa yang panjang dan proses perubahan tersebut juga berlaku

secara bertahap tergantung kepada kejadian persekitaran etnik pengamal dari masa ke masa. Proses perubahan dan transformasi ini boleh terjadi secara semulajadi dan secara dirancang. Perubahan-perubahan terhadap bentuk ritual dan masyarakat pengamalnya ini bergantung kepada keseluruhan sistem kepercayaan dan sistem sosial masyarakat tersebut sendiri. Bentuk akhir yang terhasil bagi ritual tradisional yang telah mengalami proses liminality secara semulajadi adalah tidak dapat dijangkakan dengan pelbagai kemungkinan. Manakala bagi proses liminality terancang bentuk akhir yang terhasil adalah terarah kepada seperti yang disasarkan. Ritual tradisional etnik Pantai Timur Sabah ini merupakan satu simbolik terhadap kepercayaan dan budaya hidup masyarakat pengamal. Oleh kerana itu, Turner juga telah mengatakan bahawa ritual merupakan satu simbol dan mengandungi simbol-simbol yang terhasil daripada proses serta aktiviti sosio-budaya masyarakat etnik. Turner juga telah mengusulkan bahawa dalam meleraikan maksud disebalik simbol-simbol tersebut, satu analisis perbandingan simbologi haruslah dilakukan- bagi mendapatkan hubungan antara simbol yang dibaca dengan konsep, intuisi, nilai, pengertian, dan lain-lain lagi yang dipautkan oleh pengguna ke atasnya. [9]. Turner telah membahagikan simbol-simbol dalam ritual ini kepada dua kategori iaitu yang pertama kategori dominan dan yang keduanya kategori instrumental [6]. Konteks simbol ritual yang akan difokuskan dalam penyelidikan ini nanti adalah jenis-jenis simbol instrumental. Simbol instrumental ini seterusnya akan menjadi dasar dalam pembacaan bagi menganalisis dan mencerakinkan identiti-identiti khas persembahan ritual tradisional etnik Pantai Timur Sabah dan seterusnya menjadi asas dalam pembentukan identiti Teater Tradisional etnik tersebut.

Makna yang terhasil dari simbol dalam persembahan ritual tradisional juga berhubung secara tidak langsung kepada fungsi dan tuntutan pengamal dalam melakukan persembahan ritual tersebut. Turner mengagaskan-fungsi utama ritual dalam masyarakat etnik adalah untuk menjaga dan mengekalkan aturan sosial [9]. Ritual tradisional yang dijalankan oleh masyarakat etnik ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pembentukan sebuah struktur sosial dalam masyarakat yang mengamalkannya serta perubahan-perubahan yang dinamik terhadap struktur itu sendiri. Schechner

telah mengusulkan empat perspektif dalam memahami dan membaca sesebuah persembahan ritual dan satu darinya adalah bagaimanakah sesebuah ritual berhubung dalam memenuhi masyarakat yang mengamalkannya. Empat perspektif tersebut adalah:

- Struktur - Rupa fizikal, bunyi, aturan persembahan, ruang dan pemain
- Fungsi - Apa yang ingin dicapai melalui persembahan ritual tersebut. Bagaimanakah persembahan menyempurnakan tuntutan pengamalannya.
- Proses - Dasar yang mengerakkan sesebuah persembahan ritual secara dinamik. Penegasan dan perubahan yang dibawa oleh persembahan ritual.
- Rasa – Rasa dan pengalaman merasai ketika terlibat secara lansung dalam persembahan ritual tersebut. [8]

Kertas penyelidikan ini akan menggunakan empat perspektif ritual yang dicadangkan ini secara bersepadu dalam membaca dan menanalisis fungsi penyaram dalam ritual Magbuaya dan signifikasinya terhadap kepercayaan kosmologi etnik.

### **Semiotik Metafizik**

Bagi melihat fungsi dan menganalisis fungsi penyaram ini juga, kertas penyelidikan ini akan menggunakan kaedah semiotic metafizik seperti yang dicadangkan oleh Mohd Kipli Abd Rahman [10]. Mohd Kipli Abd Rahman [11] dalam penyelidikannya yang terdahulu telah membangunkan teori semiotic metafizik, satu teori yang dibangunkan berasaskan teori semiotik C. S. Pierce. Walaubaimanapun melalui penyelidikan yang dijalankan, Mohd Kipli Abd Rahman [7] telah menemui kelemahan dalam teori semiotik yang dibangunkan oleh para sarjana Barat dalam membaca system simbol yang terdapat dalam masyarakat nusantara yang berpusat kepada kepercayaan metafizikal mereka.

Melalui kaedah yang dicadangkan melalui teori semiotic metafizik- simbol dalam persembahan ritual boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu yang pertama kod bersyarat. Kod bersyarat adalah satu kod yang digunakan dalam membaca simbol dari peralatan atau perbuatan tetap dan tidak boleh diubah serta diganti dalam persembahan ritual. Penyaram dalam konteks kajian ini adalah merupakan satu kod bersyarat dalam persembahan ritual Mag'Buaya yang mana ianya mempunyai signifikasi tertentu terhadap

kepercayaan metafizik etnik. Kod kedua yang dicadangkan dalam teori semiotic metafizik adalah kod separa bersyarat iaitu satu kod yang terjana dari peralatan dan amalan tetap dalam ritual namun boleh ditukar ganti. Kod ketiga pula adalah kod tidak bersyarat atau kod bebas. Simbol kod ini terjana daripada peralatan atau perbuatan yang tidak tetap dalam persembahan ritual dan boleh ditukar ganti. Oleh kerana penyaram merupakan satu kod bersyarat- kertas ini akan menganalisis fungsi dan peranan penyaram dalam ritual melalui hubungan metafiziknya mengikut kepercayaan kosmologi etnik Bajau Laut Kg. Seloka Empat khususnya dan Etnik Bajau Laut secara am.

### **PENYARAM DALAM RITUAL MAGBUAYA**

Sebanyak 140 biji penyaram digunakan dalam persembahan ritual Mag'Buaya ini. Saiz penyaram yang digunakan dalam persembahan ritual Mag'Buaya ini berbeza dengan saiz kuih penyaram pada kebiasaannya. Pada kebiasaannya saiz kuih penyaram adalah sebesar piring iaitu dengan diameter lilit sekitar 3 sehingga ke empat inci. Namun ukuran diameter kuih penyaram yang digunakan dalam ritual ini adalah sekitar satu inci bersamaan dengan sebesar suiz syiling 50 sen.

Kuih penyaram yang telah dihasilkan akan dilekatkan kepada dua replica buaya yang dihasilkan daripada pulut putih dan pulut hitam. Sebanyak 80 biji penyaram akan diletakkan sebagai sisik buaya hitam yang bersaiz lebih besar dan sebanyak 60 penyaram akan diletakkan direplika buaya putih yang bersaiz lebih kecil. Figura 2 dan Figura 3 di bawah adalah contoh replika buaya yang digunakan dalam ritual Mag'Buaya (namun saiz dalam gambar tersebut lebih kecil daripada saiz sebenar yang digunakan dalam ritual). Pada pengakhiran persembahan ritual Mag'Buaya ini nanti buaya putih akan diajungkan ke laut Bersama beberapa peralatan lain seperti ayam jantan, pisang, kemenyan, tebu, lilin, kain kuning dan beberapa peralatan iringan lain. Buaya hitam yang ditinggalkan di darat akan dijadikan jamuan kepada khalayak yang hadir ke persembahan ritual tersebut.



Figura 2 Replika buaya



Figura 3 replika buaya II

[12]

### Fungsi Penyaram

#### Kunci

Penyaram dalam persembahan ritual Mag' Buaya ini berfungsi sebagai kunci yang membuka pintu portal yang memisahkan dua alam. Penyaram merupakan salah satu kunci yang perlu disediakan dalam membuka pintu portal yang memisahkan dua dimensi ruang kosmos iaitu ruang mikro kosmos (alam nyata) dan ruang makro kosmos (alam metafizik/keombo'an). Tanpa penyaram dalam melengkapi rangkaian kunci pintu portal tidak dapat dibuka dan keombo'an tidak dapat melintas portal dan berpindah ke dimensi alam nyata seterusnya hadir ke persembahan ritual pengubatan tersebut. Tanpa kehadiran ke'ombokan proses pengubatan tidak dapat dilakukan dan objektif persembahan ritual tersebut tidak dapat dicapai. Selain Penyaram, mayang pinang, kemenyan, air mata duyung dan kelamat adalah rangkaian kunci yang saling melengkapi dalam membuka pintu portal yang memisahkan dua ruang dimensi ini.

#### Jambatan

Penyaram dalam persembahan ritual Mag' Buaya ini juga berfungsi sebagai jambatan. Keombo'an wujud alam dua bentuk di dalam ruang mikro kosmos ini ketika ritual dipersembahkan. Setelah pintu portal terbuka, ombo' Buaya Pote' akan berpindah masuk ke dalam replika buaya putih yang disediakan sebelum berpindah ke dalam badan manusia (kelamat) bagi menjalankan proses pengubatan. Penyaram juga membentuk kewujudan fizikal buaya melalui replika yang dihasilkan sebagai sebuah bentuk pengwujudan hyperreality keombokan konsep yang teracu daripada sudut pandang dunia kelompok etnik tersebut. Penyaram yang disusun seperti sisik buaya adalah satu perbuatan secara simbolik kelompok etnik bagi menghasilkan kewujudan fizikal semangat penjaga keluarga mereka dalam bentuk hyperreality di ruang

mikro kosmos ini sebelum ia benar wujud dalam badan kelamat nanti.

#### Jamuan

Penyaram berfungsi sebagai sebetuk jamuan yang bersentimen dan bersignifikasi dengan kepercayaan mereka terhadap keombo'an. Ianya berfungsi sebagai alat keraian yang menyambut kejayaan mereka merawat penyakit yang dihadapi dengan bantuan keombo'an. Penyaram juga berfungsi sebagai alat keraian bagi menunjukkan rasa hormat kelompok etnik terhadap semangat penjaga yang telah hadir dan merahmati ritual yang mereka persembahkan. Penyaram adalah satu jamuan yang dikongsikan bersama diantara manusia dan keombo'an sebagai sebuah simbol kesepakatan dankeharmonian di antara dua alam. Kerana itu penyaram akhirnya akan dihanyutkan ke laut sebagai jamuan kepada semangat dan sebahagiannya di makan oleh tetamu yang hadir. Penyaram menjadi simbolik kepada kedamaian dan keharmonian yang dicapai oleh kedua dimensi kosmos.

#### Hadiah

Fungsi terakhir penyaram dalam persembahan ritual pengubatan Mag' Buaya adalah sebagai hadiah dan penghargaan yang diberikan kepada keombo'an sebagai tanda terima kasih kelompok etnik. Pemberian hadiah ini dilakukan dalam proses mengajung juga sebagai simbolik kepada satu konsep kepercayaan yang mana keombo'an yang pulang membawa segala musibah dan sakit yang dihadapi mereka kembali ke laut. Penyaram yang berwarna keemasan ini adalah hadiah yang diberikan sebagai ufti dan iringan yang diberikan kepada keombo'an semasa ianya pulang ke laut. Akhirnya sebagai satu simbolik kepada keseimbangan yang telah dicapai oleh kedua ruang kosmos.

### ANALISIS FUNGSI PENYARAM

Penyaram adalah satu simbol kepada keharmonian dua alam dan juga keseimbangan kosmos diantara dua dimensi kosmos. Kerana itu penyaram merupakan satu kod bersyarat yang perlu ada mengikut kepercayaan kosmologi kelompok etnik yang dimanifestasikan melalui persembahan ritual Mag' Buaya. Kelompok etnik percaya segala sakit berpunca daripada gangguan dan ketidak seimbangan kosmos. Bagi merawatnya ruang kosmos harus diseimbangkan dengan menggunakan elemen-elemen kosmos seperti air, tanah, api, angin dan jiwa (elemen kelima ini merujuk kepada kelamat dan keombo'an)

Penyaram merupakan satu hidangan yang disediakan dengan menggunakan keseimbangan empat elemen kosmos air, tanah, api dan angin. Oleh kerana itu



secara simbulogi penyaram menjadi satu bahan yang ideal dalam merepresentasikan kesimbangan kosmos dan akhirnya dilengkapkan dengan kehadiran keombo'an dan kelamat- sebagai tanda penyatuan dua dimensi kosmos. Figura 4 dibawah melihat bagaimana keseimbangan kosmos terhasil dalam proses penyediaan dan kewujudan kuih penyaram itu sendiri




Figura 4 Elemen Kosmos dalam penyaram

Selain daripada keseimbangan yang di wakikan dengan penyatuan elemen-elemen kosmos- bentuk kuih penyaram yang bulat lengkap juga merupakan satu simbolik kepada satu kitaran kosmos alam dan kosmos yang lengkap dan tidak terpisah. Oleh kerana itu penyaram telah menjadi satu simbol yang sempurna dalam memanifestasikan kepercayaan yang mendasari persembahan ritual mag'Buaya ini.

## KESIMPULAN

Bentuk wujud penyaram (dengan kesatuan dan keseimbangan elemen kosmos) telah menjadikannya satu bahan yang sangat bersignifikas kepada persembahan ritual pengubatan etnik Bajau Laut. Penyaram telah menjadi satu kod bersyarat kerana ianya mematuhi konsep kepercayaan kosmologi kelompok etnik terhadap keombo'an dan alam metafizikal disekeliling mereka serta hubungannya dengan amalan budaya dan kehidupan mereka. Satu kepercayaan yang menjadi pusat terhadap bagaimana sesebuah persembahan ritual dijalankan oleh kelompok etnik- selanjutnya menjadi identiti yang mendasari persembahan Teater Tradisional Etnik Pantai Timur Sabah (TTEPTS)




Figura 5 Signifikasi Penyaram

Figura 5 di atas adalah satu rajah kitaran yang menyimpulkan fungsi dan signifikasi penyaram kepada persembahan ritual tradisional Mag'Buaya dan seterusnya menjadi dasar kepada identiti persembahan TTEPTS.

## ACKNOWLEDGMENTS

This research was supported by Universiti Malaysia Sabah, Geran Penyelidikan Bidang Keutamaan. We thank our colleagues and thesis supervisor from Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris who provided insight and expertise that greatly assisted the research.

We thank Mohd Kipli Abdul Rahman, Associate Professor Dr. for assistance with approaches and the theoretical framework of semiotic metaphysic and Patta Ariffin Husin of Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan for assistance with the research informant and the wonderful fieldtrip at Kg. Seloka Empat, Pulau Bum Bum Semporna.

## RUJUKAN

- [1] Jennings, Sue, "Theatre, Ritual and transformation (The Senoi Temiar," London: Routledge, 1995.
- [2] Sopher, DE., "The sea nomads: A study based on the literature of the maritime boat people of Southeast Asia", Singapore., 1965.
- [3] Schechner, Richard, "The future of ritual. London" Routledge Publisher, .1993
- [4] Nasuruddin, M. G, "Teater Tradisional Melayu". Kuala Lumpur: DBP. 2000.
- [5] Osman Bakar, "Perspektif Kosmologi Tasawuf dalam Pemikiran Kosmologi Melayu". Kertas Kerja dlm. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24-26 Januari 1994, pp 639.

- [6] Deflem, Mathieu “Ritual, Anti-Structure, and Religion: A Discussion of Victor Turner's Processual Symbolic Analysis” in Journal for the Scientific Study of Religion 30(1):1 · March 1991
- [7] Mohd. Kipli Abdul Rahman, “Mabuk Mistikal: Semiotik Metafizik dalam Kuda Kepang Mabuk,” Pulau Pinang: Penerbit USM, 2009.
- [8] Schechner, Richard. “Performance Studies: An Introduction”, Third Edition. London: Routledge Publisher. 2013
- [9] Turner, Victor, “From Ritual to Theatre: The Human Seriousness of Play” PAJ books, 1982
- [10] Mohd. Kipli Abdul Rahman, “Sinkritisme dalam Wayang Wong Johor,”. Pulau Pinang:Penerbit USM, 2012.
- [11] Mohd Kipli Abdul Rahman, “Bebayuh: From healing ritual to traditional performance”. IJASOS - International E-Journal Of Advances In Social Sciences, 1(2), 2015, pp 136-141. doi: <http://dx.doi.org/10.18769/ijasos.75810>.
- [12] Siti Rahmas Binti Bedu, Ismaliza Binti Ishak, Asmiaty Binti Amat, Mohamad Nor Hisyam Bin Musa, “Ritual Mappandretasi Dalam Masyarakat Bugis Di Pantai Timur Sabah” dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali ke-2, 19 September 2019
- [13] [Http://groupsempornamari.blogspot.com/2016/07/kuih-penyaram-resepi-tradisional.html](http://groupsempornamari.blogspot.com/2016/07/kuih-penyaram-resepi-tradisional.html)